

PM gesa pelihara perpaduan dan tingkat kekayaan ummah

UM 11 DEC 1987

JITRA 10 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyarankan pentingnya dikekalkan perpaduan di kalangan umat Islam di samping kekuatan ekonomi dengan meningkatkan kekayaan orang-orang Islam bagi mengekalkan kuasa pemerintahan negara ini.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa tidak siapa harus berasa takut kepada pemerintahan Islam kerana kerajaan Islam adil kepada semua pihak. Beliau memberi jaminan Malaysia tidak sama sekali menindas mana-mana pihak.

“Di Malaysia terdapat juga orang-orang bukan Islam dan kita mesti pandai menggunakan kuasa dan tidak terlalu menekan atau menindas orang lain,” tegasnya.

Beliau juga menyebut bahawa Malaysia telah diberi pengiktirafan sebagai sebuah negara Islam walaupun penduduk Islamnya hanya 50 peratus sahaja. Bagaimanapun, **Perdana Menteri** menjelaskan walaupun Islam berkuasa di Malaysia ada benda yang boleh dibuat dan ada benda yang tidak boleh dibuat, berlainan dengan sebuah negara 100 peratus terdiri dari orang-orang Islam. Berucap merasmikan kursus kesedaran Islam Daerah Kubang Pasu di Masjid Al-Aqila di sini, **Datuk Sri Dr. Mahathir** berkata pemerintahan Islam harus bersikap sederhana dan jangan sombong

atau angkuh bagi mengelakkan kemungkinan akan kehilangan kuasa. Katanya, “pemerintahan kita mesti pemerintahan yang adil mengikut kehendak politik dan kehendak masyarakat negeri ini.”

“Kalau kita menekan kita mungkin akan ditentang, bahkan kita mungkin akan kehilangan kuasa kita,” tambah beliau. **Perdana Menteri** berkata, kalau pemerintahan Islam di negara ini berlaku adil kepada semua pihak, umat Islam tidak menghadapi masalah untuk memerintah di masa depan.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun percaya Malaysia akan dapat mengekalkan kelompok umat Islam yang bersatupadu dengan memberi kefahaman Islam yang lebih mendalam yang akan dapat mengekalkan dan mengukuh lagi kedudukan mereka.

Mengenai perpaduan Islam, beliau berkata bahawa kuasa politik di negara ini ditentukan oleh rakyat yang bersatupadu mengikut ajaran Islam sebenarnya, bukan berpecah-belah.

Sebaliknya kalau kita bersengketa kuasa di tangan kita mungkin jatuh kepada orang lain,” tambahnya.

Dalam hubungan ini, **Perdana Menteri** menekankan bahawa umat Islam negara ini patut bersyukur kerana nikmat yang tidak ternilai di mana Malaysia yang didiami oleh berbilang kaum tetapi dikuasai oleh orang-orang Islam.